KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

# LAPORAN
# PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

## JUMAAT, 26 JANUARI 2024

## LAPORAN HARIAN

26/1/2024

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 1 | **DUA ANAK ARWAH BELLA SELAMAT DALAM JAGAAN KELUARGA** | |
| | https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/dua-anak-arwah-bella-selamat-dalam-jagaan-keluarga | BERITA.RTM.GOV.MY |
| | https://www.astroawani.com/videos/politik-x7sio1/pegawai-pelindung-jkm-akan-bertemu-keluarga-allahyarham-bella-x8rs1ds | ASTROAWANI.COM |
| | https://www.astroawani.com/videos/video-terkini-x7sio1/awani-ringkas-jkm-akan-jumpa-keluarga-bella-x8rs272 | ASTROAWANI.COM |
| | https://www.tvsarawak.my/2024/01/25/kpwkm-jamin-bantuan-kebajikan-diberi-kepada-anak-arwah-bella-nancy/ | TVSARAWAK.MY |
| | https://www.youtube.com/watch?v=o51nWVFS1l4 | YOUTUBE |
| | https://www.youtube.com/watch?v=qBfLtLw2wP0 | YOUTUBE |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 2 | **21 SEKOLAH DI PARLIMEN SANTUBONG TERIMA INISIATIF SARAPAN PAGI PELAJAR SPM** | |
| | https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/21-sekolah-di-parlimen-santubong-terima-inisiatif-sarapan-pagi-pelajar-spm-3 | BERITA.RTM.GOV.MY |
| | https://www.tvsarawak.my/2024/01/25/program-sarapan-pagi-pelajar-spm-21-buah-sekolah-di-santubong-nikmati-bantuan-sarapan/ | TVSARAWAK.MY |
| | https://www.newsarawaktribune.com.my/santubong-schools-to-benefit-from-spm-students-breakfast-initiative/ | NEWSARAWAKTRIBUNE.COM.MY |
| | https://sarawaknews.com/inisiatif-sarapan-bijak-spm-beri-manfaat-kepada-21-sekolah-di-parlimen-santubong/ | SARAWAKNEWS.COM |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 3 | **MINISTRY SUPPORTS KIDNEY PATIENTS VIA FUND ALLOCATIONS** | |
| | https://www.newsarawaktribune.com.my/ministry-supports-kidney-patients-via-fund-allocations/ | NEWSARAWAKTRIBUNE.COM.MY |
| | https://www.youtube.com/watch?v=hitygzztuts | YOUTUBE |

26/1/2024

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 4 | **BANTUAN: JKM PERLIS BERJAYA KURANGKAN JURANG EKONOMI RAKYAT** | |
| | https://suaramerdeka.com.my/bantuan-jkm-perlis-berjaya-kurangkan-jurang-ekonomi-rakyat/ | SUARAMERDEKA.COM.MY |
| | https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/jkm-perlis-salur-bantuan-rm40-juta-setahun | BERITA.RTM.GOV.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 5 | **MANGSA BANJIR DI KELANTAN MENINGKAT 350** | |
| | https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/01/1204450/mangsa-banjir-di-kelantan-meningkat-350 | BHARIAN.COM.MY |
| | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/01/1053962/banjir-lebih-100-keluarga-di-pasir-puteh-terkejut-air-naik-mendadak | HMETRO.COM.MY |
| | https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/01/1204460/mangsa-banjir-di-tiga-negeri-di-pantai-timur-terus-meningkat-pagi | BHARIAN.COM.MY |
| | https://harakahdaily.net/index.php/2024/01/24/paras-air-sungai-kelantan-di-kuala-besar-lepasi-tahap-bahaya/ | HARAKAHDAILY.NET |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 6 | **ANUAR ZAIN, ERNIE ZAKRI DAN SYAMEL BAKAL MERIAHKAN WACANA SRIKANDI** | |
| | https://malaysiatribune.news/2024/01/25/anuar-zain-ernie-zakri-dan-syamel-bakal-meriahkan-wacana-srikandi/ | MALAYSIATRIBUNE.NEWS |
| | https://malaysiagazette.com/2024/01/25/wacana-srikandi-inspirasi-generasi-baharu-capai-kejayaan/ | MALAYSIAGAZETTE.COM |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 7 | **SITI AISAH MINTA BANTUAN KESAN IBU, BAPA KANDUNG ANAK ANGKAT** | |
| | https://www.utusan.com.my/berita/2024/01/siti-aisah-minta-bantuan-kesan-ibu-bapa-kandung-anak-angkat/ | UTUSAN.COM.MY |

26/1/2024

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 8 | **UMUR 15 TAHUN GIGIH JAGA IBU, AYAH SAKIT** | |
| | https://www.kosmo.com.my/2024/01/25/umur-15-tahun-gigih-jaga-ibu-ayah-sakit/ | KOSMO.COM.MY |
| | https://www.buletintv3.my/nasional/ketua-keluarga-berusia-15-tahun-aiman-korban-waktu-sekolah/ | BULETINTV3.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 9 | **PIONEERING SEXUALITY EDUCATION CAMP TACKLES WORRYING TREND AMONG YOUTHS IN S'WAK** | |
| | https://www.thevibes.com/articles/news/100792/pioneering-sexuality-education-camp-tackles-worrying-trend-among-youths-in-swak | THEVIBES.COM |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 10 | **GUBAL SEGERA AKTA LINDUNGI WARGA EMAS ELAK DIDERA, TERABAI** | |
| | https://www.bharian.com.my/rencana/lain-lain/2024/01/1204446/gubal-segera-akta-lindungi-warga-emas-elak-didera-terabai | BHARIAN.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 11 | **LPPKN KLINIK NUR SEJAHTERA MIRI PELAWA PENDUDUK BEKENU SERTAI PROGRAM JOM TINGKATKAN EKONOMI WANITA 2024** | |
| | https://www.utusanborneo.com.my/2024/01/25/lppkn-klinik-nur-sejahtera-miri-pelawa-penduduk-bekenu-sertai-program-jom-tingkatkan | UTUSANBORNEO.COM.MY |

26/1/2024

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 12 | **REMAN LELAKI JUAL VIDEO AKSI SEKS BERSAMA LEBIH 20 WANITA DISAMBUNG HINGGA ESOK** | |
| | https://www.bharian.com.my/berita/kes/2024/01/1204396/reman-lelaki-jual-video-aksi-seks-bersama-lebih-20-wanita-disambung | BHARIAN.COM.MY |
| | https://www.sinarharian.com.my/article/646168/berita/semasa/reman-lelaki-jual-video-aksi-seks-bersama-lebih-20-wanita-disambung | SINARHARIAN.COM.MY |
| | https://malaysiagazette.com/2024/01/25/reman-lelaki-jual-video-lucah-seks-dengan-lebih-20-wanita-dilanjutkan/ | MALAYSIAGAZETTE.COM |
| | https://www.kosmo.com.my/2024/01/25/gigolo-rakam-aksi-lucah-lebih-20-wanita-dilanjutkan-reman/ | KOSMO.COM.MY |
| | https://www.utusan.com.my/berita/2024/01/reman-lelaki-rakam-aksi-lucah-dengan-20-wanita-disambung-kertas-siasatan-dilengkapkan/ | UTUSAN.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 13 | **LELAKI TIDAK MENGAKU CABUL WANITA OKU PENGLIHATAN** | |
| | https://www.utusanborneo.com.my/2024/01/25/lelaki-tidak-mengaku-cabul-wanita-oku-penglihatan | UTUSANBORNEO.COM.MY |
| | https://suarasarawak.my/lelaki-tempatan-mengaku-tidak-bersalah-cabul-pesakit-oku-di-hospital/ | SUARASARAWAK.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 14 | **DUA ORANG KANAK-KANAK TERPERANGKAP DALAM KERETA, DISELAMATKAN** | |
| | https://suarasarawak.my/dua-orang-kanak-kanak-terperangkap-dalam-kereta-diselamatkan/ | SUARASARAWAK.MY |
| | https://www.utusanborneo.com.my/2024/01/25/bomba-selamatkan-dua-kanak-kanak-terkunci-dalam-kereta | UTUSANBORNEO.COM.MY |

26/1/2024

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 15 | **KONGSI AKTIVITI ANAK DI MEDIA SOSIAL UNDANG RISIKO JENAYAH SEKSUAL** | |
| | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/01/1054186/kongsi-aktiviti-anak-di-media-sosial-undang-risiko-jenayah-seksual | HMETRO.COM.MY |
| | https://selangorkini.my/2024/01/kongsi-aktiviti-anak-di-media-sosial-undang-risiko-jenayah-seksual/ | SELANGORKINI.MY |
| | https://www.sinarharian.com.my/article/646274/berita/semasa/kongsi-aktiviti-anak-di-media-sosial-undang-risiko-jenayah-seksual | SINARHARIAN.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 16 | **MANGSA TULAR DIPUKUL RUPANYA TURUT DINODAI AYAH** | |
| | https://www.kosmo.com.my/2024/01/25/mangsa-tular-dipukul-rupanya-turut-dinodai-ayah/ | KOSMO.COM.MY |
| | https://www.bharian.com.my/berita/kes/2024/01/1204505/remaja-dibelasah-bapa-mabuk-bongkar-pernah-dirogol-suspek | BHARIAN.COM.MY |
| | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/01/1054005/remaja-dibelasah-bapa-kerana-bongkar-pernah-dirogol-suspek | HMETRO.COM.MY |
| | https://berita.rtm.gov.my/jenayah/senarai-berita-jenayah/senarai-artikel/bapa-ditahan-kes-pukul-anak-turut-disyaki-rogol-zuriat-sendiri | BERITA.RTM.GOV.MY |
| | https://www.malaysiakini.com/news/694296 | MALAYSIAKINI.COM |
| | https://www.thestar.com.my/news/nation/2024/01/25/man-who-allegedly-hit-daughter-also-accused-of-rape-say-negri-cops | THESTAR.COM.MY |
| | https://www.nst.com.my/news/crime-courts/2024/01/1005577/behind-closed-doors-brutally-beaten-then-shocking-secret-rape | NST.COM.MY |
| | https://www.utusan.com.my/berita/2024/01/remaja-dicederakan-bapa-turut-pernah-dirogol/ | UTUSAN.COM.mY |
| | https://www.bernama.com/bm/jenayah_mahkamah/news.php?id=2265450 | BERNAMA.COM |
| | https://selangorkini.my/2024/01/polis-bapa-pukul-tendang-anak-hingga-cedera-miliki-tujuh-rekod-dadah/ | SELANGORKINI.MY |
| | https://siakapkeli.my/2024/01/25/polis-tahan-bapa-didakwa-pukul-anak-perempuan-hingga-cedera/ | SIAKAPKELI.MY |

26/1/2024

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 17 | **GURU KAFA DITAHAN PUKUL IBU ANGKAT KERANA MINTA DUIT BELANJA** | |
| | https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2024/01/25/guru-kafa-ditahan-pukul-ibu-angkat-kerana-minta-duit-belanja/ | FREEMALAYSIATODAY.COM |
| | https://malaysiagazette.com/2024/01/25/guru-kafa-pukul-ibu-angkat-hingga-cedera/ | MALAYSIAGAZETTE.COM |
| | https://www.malaysiakini.com/news/694315 | MALAYSIAKINI.COM |
| | https://selangorkini.my/2024/01/guru-kafa-ditahan-pukul-ibu-angkat-kerana-minta-belanja-dapur/ | SELANGORKINI.MY |
| | https://thesun.my/cerita/berita/guru-kafa-ditahan-pukul-ibu-angkat-hingga-cedera-IA12030293 | THESUN.MY |
| | https://www.getaran.my/artikel/semasa/56144/pukul-ibu-angkat-hingga-cedera-guru-kafa-dicekup-polis | GETARAN.MY |
| | https://utusantv.com/2024/01/25/guru-kafa-pukul-ibu-angkat-minta-wang-belanja-barang-dapur-ditahan/ | UTUSANTV.COM |
| | https://www.kosmo.com.my/2024/01/25/guru-kafa-pukul-ibu-angkat-gara-gara-minta-wang-belanja/ | KOSMO.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 18 | **SPEAK UP, FIVE TYPES OF HARASSMENT YOU CAN REPORT RIGHT NOW** | |
| | https://www.sinardaily.my/article/214985/speak-up-five-types-of-harassment-you-can-report-right-now | SINARDAILY.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 19 | **COMBATING CHILD ABUSE FOR A SAFER TOMORROW — RULIA AKHTAR** | |
| | https://www.malaymail.com/news/what-you-think/2024/01/25/combating-child-abuse-for-a-safer-tomorrow-rulia-akhtar/114458 | MALAYMAIL.COM |
| | https://www.malaysiakini.com/letters/694278 | MALAYSIAKINI.COM |
| | https://malaysiagazette.com/2024/01/25/combating-child-abuse-for-a-safer-tomorrow/ | MALAYSIAGAZETTE.COM |

26/1/2024

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 20 | **POLIS JAMIN SIASATAN SARJAN DIDAKWA ROGOL PELAJAR TELUS** | |
| | https://www.bharian.com.my/berita/kes/2024/01/1204544/polis-jamin-siasatan-sarjan-didakwa-rogol-pelajar-telus | BHARIAN.COM.MY |
| | https://www.sinarharian.com.my/article/646194/berita/semasa/sarjan-didakwa-rogol-pelajar-polis-jamin-siasatan-telus | SINARHARIAN.COM.MY |
| | https://www.kosmo.com.my/2024/01/25/rogol-pelajar-tingkatan-4-polis-jamin-siasat-secara-telus/ | KOSMO.COM.MY |
| | https://malaysiagazette.com/2024/01/25/kes-sarjan-didakwa-rogol-remaja-disiasat-secara-telus/ | MALAYSIAGAZETTE.COM |
| | https://thesun.my/cerita/berita/dakwaan-polis-terlibat-kes-rogol-timbalan-ketua-polis-perak-jamin-siasatan-telus-OB12029236 | THESUN.MY |
| | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/01/1054024/polis-jamin-siasatan-sarjan-didakwa-rogol-pelajar-telus | HMETRO.COM.MY |
| | https://www.bernama.com/bm/wilayah/news.php?id=2265445 | BERNAMA.COM |
| | https://www.youtube.com/watch?v=q9mNZerAyNE | YOUTUBE |
| | https://www.youtube.com/watch?v=d8bnSjcrEH8 | YOUTUBE |
| | https://www.youtube.com/watch?v=3IKK9vThJ_I | YOUTUBE |
| | https://www.melakahariini.my/dakwaan-polis-terlibat-kes-rogol-timbalan-ketua-polis-perak-jamin-siasatan-telus/ | MELAKAHARIINI.MY |
| | https://www.thestar.com.my/news/nation/2024/01/25/probe-into-alleged-rape-involving-cop-will-be-transparent-says-perak-deputy-police-chief | THESTAR.COM.MY |
| | https://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2024/01/25/perak-police-vow-transparent-probe-into-alleged-rape-of-form-4-girl/ | FREEMALAYSIATODAY.COM |
| | https://www.malaymail.com/news/malaysia/2024/01/25/perak-police-assure-transparent-investigation-into-alleged-rape-of-form-four-girl-by-sergeant/114497 | MALAYMAIL.COM |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 21 | **LELAKI DIPENJARA LAPAN TAHUN DAN TIGA SEBATAN KERANA TUNJUK VIDEO LUCAH KEPADA ADIK, ARAH MANGSA TIRU AKSI** | |
| | https://www.utusanborneo.com.my/2024/01/25/lelaki-dipenjara-lapan-tahun-dan-tiga-sebatan-kerana-tunjuk-video-lucah-kepada-adik-arah | UTUSANBORNEO.COM.MY |

26/1/2024

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 22 | **SELEPAS ABANG, ADIK PULA MENDAKWA DICABUL TUKANG URUT** | |
| | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/01/1054099/selepas-abang-adik-pula-mendakwa-dicabul-tukang-urut | HMETRO.COM.MY |
| | https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/01/1204599/selepas-abang-adik-turut-buat-laporan-polis-dicabul-tukang-urut | BHARIAN.COM.MY |

# Dua anak arwah Bella selamat dalam jagaan keluarga

Kategori: Nasional - Kemas kini: 25 Januari 2024 01:35 PM - Jumlah kunjungan: 182



*Datuk Sri Nancy ketika ditemui media selepas menghadiri Majlis Apresiasi Pelajar Cemerlang SMK Santubong dan menyerahkan simbolik insiatif Sarapan Pagi Anak SPM di sekolah tersebut*

***KUCHING, 25 Januari-*** Dua anak Mila Sharmilah Samsusah atau Bella, yang berusia dua dan lima tahun kini selamat dalam jagaan keluarganya.

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Sri Nancy Shukri berkata, pegawai pelindung Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) akan berjumpa dengan keluarga tersebut pada masa sesuai untuk mengetahui perancangan lanjut terhadap kanak-kanak berkenaan.

Beliau berkata, khidmat kaunseling dan kewangan juga akan diberi sekiranya diperlukan.

"Kita boleh beri perlindungan, tetapi untuk bertindak, kita perlu dapatkan laporan daripada pihak polis kerana kita juga perlukan perintah mahkamah sama ada anak-anak arwah diserah kepada kita atau keluarganya berikutan ada peraturan-peraturan tertentu yang memerlukan orang yang layak dan sesuai menjaga.

"Kita tidak ambil anak-anaknya begitu sahaja kerana perlu ada persetujuan pihak tertentu terutamanya keluarga terdekat yang lebih layak untuk menjaga,"kayanya.

Datuk Sri Nancy ketika ditemui media selepas menghadiri Majlis Apresiasi Pelajar Cemerlang SMK Santubong dan menyerahkan simbolik insiatif Sarapan Pagi Anak SPM di sekolah tersebut.

Bella dilaporkan hilang 16 Disember lalu selepas keluar dari rumah untuk ke pusat dobi di Batu Pahat, Johor, 14 Disember lalu.

Kelmarin, polis mengesahkan hasil analisis ujian asid deoksiribonukleik (DNA) yang diperoleh daripada penemuan rangka manusia di Kampung Batu Tujuh, Tongkang Pechah, Batu Pahat, 19 Januari lalu adalah milik ibu anak dua itu.

# 21 sekolah di Parlimen Santubong terima Inisiatif Sarapan Pagi pelajar SPM

Kategori: Nasional - Kemas kini: 25 Januari 2024 02:04 PM - Jumlah kunjungan: 80




*Datuk Seri Nancy bersama 104 pelajar SMK Santubong yang menerima Inisiatif Sarapan Pagi Pelajar SPM 2024*

***KUCHING, 25 Januari-*** Sebanyak 21 sekolah di Parlimen Santubong menerima Inisiatif Sarapan Pagi Pelajar SPM 2024.

Inisiatif bawah tajaan Yayasan Kebajikan Negara (YKN) dan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) itu membabitkan peruntukan RM5,000 untuk setiap sekolah dengan setiap seorang pelajar menerima RM50.

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Nancy Shukri memaklumkan, inisiatif tersebut sebenarnya sudah ada sebelum ini, namun ianya kurang teratur dan tidak berapa lancar.

"Sebelum ini, peruntukan itu berfasa dan tidak berapa lancar daripada segi pembahagian, tetapi Alhamdulillah tahun ini kita akan teruskan seperti biasa, dengan lebih teratur," katanya selepas hadir menyerahkan simbolik insiatif Sarapan Pagi Anak SPM dan Majlis Apresiasi Pelajar Cemerlang SMK Santubong.

Pada majlis berkenaan seramai 104 pelajar SPM SMK Santubong menerima inisiatif tersebut.

Datuk Seri Nancy yang juga Ahli Parlimen Santubong menambah, parlimennya konsisten memberi bantuan kewangan kepada mereka yang melanjutkan pelajaran di Institusi Pendidikan Tinggi Awam dan Swasta untuk meringankan beban ibu bapa.

Bantuan kewangan berkenaan juga bagi memudahkan pelajar membeli alat pelajaran diperlukan dan jumlah bantuan bergantung kepada lokasi penerima melanjutkan pelajaran.

# Ministry supports kidney patients via fund allocations

Alexandra Lorna  Sarawak News  25 January 2024  9 hours ago




*Fatimah (centre, seated) presents the assistance of two hemodialysis machines to Lawas Hospital.*

**LAWAS**: The Ministry of Women, Early Childhood and Community Wellbeing Development is committed to consistently assisting kidney patients in need of hemodialysis treatment.

Its minister, Datuk Seri Fatimah Abdullah said that previously she presented a proposal to the cabinet for an allocation to support kidney patients in undergoing hemodialysis, as the costs of kidney dialysis were a significant burden.

"The expenses for dialysis treatment in private facilities and non-governmental organisations (NGOs) could range from RM120 to RM300 per dialysis session, which typically needs to be undergone three to four times a week, in addition to transportation costs.

"Therefore, to help kidney patients, we presented to the cabinet to obtain approval from the state government to allocate funds to assist kidney patients in undergoing hemodialysis at private clinics or NGOs, including transportation assistance.

"Alhamdulillah, all of these have been approved by the state cabinet, and we have requested the Department of Social Welfare (JKM) to implement it," she said.

She said this in her speech at the handing over ceremony of hemodialysis machines for kidney patients at Lawas Hospital, recently.

She further said the State Health Department (JKNS) needs to organise advocacy programmes to promote kidney care awareness, especially in terms of nutrition.

"With it, we are aiming to reduce the number of kidney patients throughout Sarawak, and it is hoped that JKNS can implement such programmes to increase awareness among the public," she said.

During the event, Fatimah handed over two hemodialysis machines totalling RM82,300 to Lawas Hospital.



Tuanku Syed Faizuddin Putra berkenan menyantuni seorang asnaf sempena Majlis Sumbangan Agihan Zakat MAIPs di Masjid Ali bin Abi Talib Perawah, Datuk Kayaman, Bukit Keteri.

# Bantuan: JKM Perlis berjaya kurangkan jurang ekonomi rakyat

ABATAN Kebajikan Masyarakat (JKM) Perlis telah berjaya mengurangkan jurang pendapatan dan ekonomi rakyat melalui bantuan yang telah disalurkan serta pelbagai peluang menjana pendapatan tanpa mengira kaum bagi menoktahkan kemiskinan tegar di negeri ini.




*Tuanku Syed Faizuddin Putra berkenan bertitah sempena Majlis Sumbangan Agihan Zakat MAIPs di Masjid Ali bin Abi Talib Perawah, Datuk Kayaman, Bukit Keteri.*

Keseluruhan penerima bantuan kewangan bulanan aktif JKM adalah 9,151 kes melibatkan peruntukan sebanyak RM40 juta setahun.

JKM Perlis turut menyertai Program Kayuhan MAIPs Peduli yang dianjurkan oleh Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis (MAIPs).

Pada program ini juga diadakan saringan kesihatan, memberi sumbangan dan menyantuni asnaf serta beramah mesra bersama rakyat negeri ini yang diketuai sendiri oleh Raja Muda Perlis, Tuanku Syed Faizuddin Putra Jamalullail.

Kolaborasi ini secara tidak langsung mewujudkan rangkaian kerjasama pelbagai agensi Negeri dan Persekutuan serta pihak swasta di Perlis dalam usaha untuk sama-sama membantu para penerima bantuan, mengenalpasti keperluan atau masalah dan mencari kaedah penyelesaian yang bersesuaian.

# Mangsa banjir di Kelantan meningkat 350

Oleh Hidayatidayu Razali - Januari 25, 2024 @ 11:19am
bhnews@bh.com.my




Sebahagian mangsa banjir berpindah ke pusat pemindahan sementara (PPS) di Sekolah Kebangsaan Changgai hari ini akibat dilanda banjir sejak jam 4 petang semalam. - Foto NSTP/Nik Abdullah Nik Omar

KOTA BHARU: Mangsa banjir di Kelantan yang membabitkan daerah Pasir Puteh meningkat kepada 350 orang sehingga 10 pagi ini.

Kesemua mangsa daripada 119 keluarga itu berlindung di dua pusat pemindahan sementara (PPS).

Berdasarkan portal Info Bencana Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), mereka berada di Sekolah Kebangsaan (SK) Changgai dengan jumlah 322 orang daripada 113 keluarga dan SK Wakaf Raja iaitu 28 orang daripada enam keluarga.

Sementara itu, laman web publicinfobanjir.water.gov.my merekodkan, satu sungai melepasi paras amaran

Sungai melepasi paras amaran adalah Sungai Golok di Kampung Jenob, Tanah Merah iaitu 23.17 meter (m).

Empat sungai melepasi paras waspada adalah Sungai Melor di Jambatan Melor, Bachok iaitu 7.79m; Empangan Bukit Kwong, Rantau Panjang (17.3m); Sungai Nal di Kuala Krai (23.74m) dan Sungai Kelantan di Kuala Krai (20.84m).




Ketua Pegawai Eksekutif SACC Convec Sdn Bhd Nor Azlina Amran (tiga dari kiri) dan penyanyi Syamel (tiga dari kanan) pada sidang media program Wacana Srikandi di SACC, Shah Alam.

# Anuar Zain, Ernie Zakri dan Syamel bakal meriahkan Wacana Srikandi

SHAH ALAM – Penyanyi terkenal tanah air, Anuar Zain, Ernie Zakri dan Syamel antara artis yang bakal memeriahkan program Wacana Srikandi anjuran SACC Convec Sdn Bhd (SCSB) pada 5 Mac depan sempena sambutan Hari Wanita Sedunia.

Menurut Ketua Pegawai Eksekutif SCSB, Azlina Amran, selain menampilkan artis terkenal, program tersebut juga turut bakal dihadiri tiga ikon ushawan wanita yang akan mengupas mengenai isu ekonomi dan sosial.

"Ikon wanita tersebut ialah Pengasas dan Ketua Pegawai Eksekutif Chatime Malaysia, Aliza Ali; Ketua Pegawai Eksekutif Avenys Malaysia Sdn Bhd, Aleeya Zailan dan penerima Anugerah Inspirasi Pesona Wanita Johor, Masitah Mohd Affandy," katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang akhbar Wacana Srikandi sempena Hari Wanita yang diadakan di SACC di sini semalam.




*Ketua Pegawai Eksekutif SACC Convec Sdn Bhd Nor Azlina Amran.*

Lebih menarik, wacana yang akan dihoskan oleh Fedtri Yahya itu juga akan dirasmikan oleh Menteri Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Nancy Shukri.

# Siti Aisah minta bantuan kesan ibu, bapa kandung anak angkat



SITI AISAH Salim bersama anak angkatnya, Muhammad Izrofil Buyamin ketika ditemui di sebuah restoran di Taman Sri Aman, Pontian.

PONTIAN: Seorang wanita memohon bantuan orang ramai mengesan ibu dan bapa kandung kepada seorang kanak-kanak lelaki yang dijaganya sejak 2019.

Siti Aisah Salim, 31, berkata, ketika diserahkan kepadanya, kanak-kanak tersebut, Muhammad Izrofil Buyamin berusia dua tahun.

Menurutnya, ibu Muhammad Izrofil yang dikenali sebagai Sarina Haya, 41, warganegara Thailand pulang sementara untuk urusan memperbaharui pasport dan ayahnya yang dikenali sebagai Buyamin, 51, warga Indonesia juga balik ke negaranya bagi urusan yang sama.

Siti Aisah mengakui Sarina Haya merupakan kawannya dan selalu datang ke Pekan Layang-Layang kerana mereka menjalankan perniagaan kedai makan di pekan tersebut.

"Pasangan suami isteri itu yang menghantar anaknya, Muhammad Izrofil pada 25 September 2019 ke rumah saya di Kampung Api-Api dan meminta menjaganya sehingga selesai urusan pasport. Setelah lima tahun berlalu, mereka berdua tidak muncul-muncul dan pernah sekali cuba berhubung pada tahun 2020, namun nombor telefon yang diberikan telah digunakan oleh orang lain," katanya ketika ditemui Utusan Malaysia.

Siti Aisah yang juga seorang peniaga burger telah menganggap Muhammad Izrofil sebagai anak walaupun belum berumah tangga dan berharap dapat mendaftarkan mengikuti tahun satu pada sesi persekolahan 2024/2025 pada Mac depan.

"Namun saya memerlukan dokumen pengesahan anak angkat daripada pihak-pihak berkenaan seperti Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) dan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) bagi membolehkannya diterima oleh pihak sekolah," katanya.

Muhammad Izrofil yang lahir pada 20 Ogos 2017 di Hospital Sultanah Aminah ( HSA) Johor Bahru mempunyai MyKid.

"Saya tiada mempunyai maklumat lanjut tentang kedua-dua ibu bapa Muhammad Izrofil. Saya sudah berusaha mencari mereka, namun setakat ini gagal dan orang ramai yang mengetahui di mana Sarina Haya dan Buyamin berada boleh menghubungi saya menerusi talian 010-7004967/013-7105644. -UTUSAN

# Umur 15 tahun gigih jaga ibu, ayah sakit

Oleh NORLIDA AKMAR IDROS 25 Januari 2024, 9:30 am



Setiausaha Politik Anwar, Muhammad Kamil Abdul Munim (kanan) melawat keluarga Aiman di Gurun baru-baru ini. – SHAHIR NOORDIN

GURUN – Seorang remaja lelaki berusia 15 tahun memikul tanggungjawab berat menjaga ibunya, Mazliana Jamaluddin, 39, yang terlantar akibat ketumbuhan pada kepala sejak tiga tahun lalu.

Lebih memeritkan Aiman Ikhwan Arman yang merupakan anak kedua daripada tiga beradik turut menjaga bapanya, Arman Othman, 49, yang menghidap penyakit angin ahmar.

Menurut Aiman, dia akan menyediakan segala keperluan untuk ibu bapanya setiap hari dengan bantuan ibu saudara memandangkan abangnya, Aiman Irfan, 20, merupakan orang kelainan upaya (OKU) sejak kecil.

"Setiap hari selepas menukar lampin ibu, memberikannya susu dan menyediakan keperluan ayah, baru saya akan bertolak ke sekolah.

"Sepanjang tempoh itu, ibu saudara menggalas tanggungjawab menjaga mereka sehingga saya pulang dari sekolah.

"Saya juga kerap tidak hadir ke sekolah terutama ketika ibu dimasukkan ke hospital kerana memerlukan waris untuk menjaganya," katanya ketika ditemui di rumahya di sini kelmarin.

Bercerita lanjut, Aiman memberitahu, sebelum ini ibunya kerap mengadu sakit kepala.

Pada mulanya, wanita itu menyangka dia migrain, namun keadaan bertambah teruk sejak tiga tahun lalu sehingga diserang sawan dan matanya kabur.

Pihak hospital mengesahkan Mazliana menghidap ketumbuhan di kepala dan perlu menjalani pembedahan segera. Wanita itu menolak dengan alasan tiada siapa yang akan menjaga suami dan anak-anaknya.

Keluarga Aiman kini bergantung dengan wang Pertubuhan Keselamatan Sosial, Jabatan Kebajikan Masyarakat sebanyak, zakat serta sumbangan termasuk daripada pihak sekolah.

"Wang itu kami gunakan untuk membayar pinjaman rumah, lampin pakai buang, susu khas dan keperluan lain termasuk kos makan minum," kataya.

Kesukaran keluarga itu turut mendapat perhatian Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim yang menyampaikan sumbangan melalui Unit Penyelarasan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri.

Dalam pada itu, orang ramai yang ingin menghulurkan sumbangan boleh berbuat demikian melalui akaun Maybank bernombor **152125122863** atas nama Mazliana Jamaluddin.

# Pioneering sexuality education camp tackles worrying trend among youths in S'wak

Public programme initiated by Sarawak Family Planning Association seen as crucial step towards inculcating responsibility

**A PIONEERING** project has started in Sarawak in an attempt to tackle the increasing trend of teens and youths getting involved in sex, and ending up with pre-marriage pregnancies.

The Sarawak Family Planning Association under the State Health Department has embarked on the 'Sexuality Education Camp' for the public.

They are targeting teenagers aged 18 and 19 years, and youths between 20 and 24 years.

About 30 youngsters responded to the organising of the first camp in Lundu district yesterday.

Association chairperson Annie Tan said the project is a crucial step towards educating the very young on sexual responsibilities.

"This is a very important step forward in instilling correct knowledge among our young on the crucial issues of sexuality, teenage pregnancies, family values and responsibilities.

"Through such camps aimed at members of the public we hope to spread the message across to a wide segment of society.

"These issues on sexuality among the young are crucial issues that we as a community must be concerned about," she said.

The association usually deals with family planning for married couples.

Problems related to sexuality among teens and very young ones have become a hot topic of concern in Sarawak of late.

On January 16, a survey conducted by University Malaysia Sarawak (Unimas) among teenagers and youths pointed to easy accessibility to pornographic videos as being among key factors fuelling their sex drive; and subsequently causing a surge in teenage pregnancies in the state.

Getting hooked to the intimate depictions in scenes is among the top reasons that more teenage girls are getting pregnant even in early teen years, said state Minister for Women, Family and Community Development, Datuk Seri Fatimah Abdullah, in discussing the findings of the survey.

Other key factors are dropping out from schooling while in early teen years, volatile family relationships, personal problems, substance abuse and sexual grooming by others, as well as peer pressure to try out sex.

The survey by Unimas showed that 58.7 percent of pregnant teenage girls had dropped out of schools, became involved in sexual relationships and then gotten pregnant.

Some 60.1 percent got pregnant before the legal age of marriage at 18.

Fatimah said that Iban girls comprised the largest number of teen pregnancies, followed by Malays, Bidayuhs and Chinese.

The state Women, Family and Community Development Ministry is working on a module with the Education Department to conduct a series of programmes in primary and secondary schools throughout the state, focussing on personal sexuality, healthy physical and mental developments, and related topics.

On December 12, The Vibes had reported concerns about youngsters having unrestrained accessibility to mobile devices that can link to movies and photos on cyberspace depicting romance-sex scenes, influencing them to become sexually active even at early adolescent years.

The portal spoke to several parents and teachers who identified mobile devices, especially handphones and laptop computers, which can be easily linked to the Internet via wireless connections, as being among the main factors causing the young to be more sexually active.

It was reported on December 8 that a survey among teenagers coordinated by the Ministry of Women, Family and Community Development at the national level had found that up to 88 percent of teens aged between 13 to 18 were sexually active.

The findings also pointed to the highest teen pregnancies being at Kelantan, Sarawak and Penang, it was reported.

Minister Datuk Seri Nancy Shukri had expressed concern at the findings which also noted that many teens are unaware of subjects on contraceptives, sexually transmitted diseases, and risks to physical and mental health due to pregnancies among the young.

She said the community and schools must respond with more educational awareness campaigns to inform teens about the risks.

She also called on women's groups and religious bodies to work with her ministry to reach out to teens. – The Vibes, January 25, 2024

# Gubal segera akta lindungi warga emas elak didera, terabai

Oleh Dr Siti Aisyah Samudin - Januari 25, 2024 @ 11:02am
bhrencana@bh.com.my



Foto hiasan.

Dasar Kebajikan Masyarakat Negara (DKMN) mula digubal pada 1990 meletakkan warga emas sebagai salah satu kumpulan sasar diberi tumpuan penting susulan peningkatan masalah sosial terhadap mereka, termasuk penganiayaan dan pengabaian.

Masalah sosial ini mengganggu kesejahteraan negara, sekali gus meninggalkan impak negatif. Dalam Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) Ketiga, kerajaan menggariskan beberapa perkara berkenaan kesihatan dan kesejahteraan bagi memastikan kehidupan sihat rakyat untuk semua lapisan umur.

Islam juga merujuk masalah sosial yang berlaku dalam kalangan masyarakat dengan istilah khusus, 'fasad fi al-ardh wa yasfiku al-dima' iaitu kerosakan dan pertumpahan darah di muka bumi. Lantaran itu, DKMN digubal bagi mewujudkan keadilan sosial dalam masyarakat termasuk untuk warga emas.

Di Malaysia, laporan terbaharu dikeluarkan Kementerian Kesihatan (KKM) mencatatkan peningkatan 20 peratus kes penderaan dan pengabaian ibu bapa oleh ahli keluarga sendiri. Kajian menunjukkan satu daripada 100 warga emas di Malaysia pernah ditipu soal kewangan.

Penipuan ini dilakukan waris, ahli keluarga atau membabitkan sindiket. Golongan ini sering menjadi sasaran berikutan dianggap rentan dan tidak berdaya untuk melawan. Bahkan, dengan perkembangan pesat teknologi pesat membuatkan mereka lebih banyak ketinggalan dan kurang pengetahuan mengenai sindiket penipuan yang berleluasa.

Kerajaan sebelum ini dilapor bakal membentangkan rang undang-undang (RUU) warga emas di Parlimen tahun ini. Justeru, ia bergantung kepada Aturan Urusan Mesyuarat pada Mesyuarat Pertama, Penggal Ketiga Parlimen Ke-15 (2024) dijadual bermula pada 26 Februari dan berakhir 27 Mac.

Dari aspek hak warga emas, belum ada undang-undang khusus dipinda bagi maksud ini sebagaimana Akta Kanak-kanak 2001 (Akta 611). Peruntukan undang-undang sedia ada bersifat umum terhadap semua lapisan masyarakat tanpa memberi perlindungan khas ke atas warga emas.

Sebagai contoh, Perkara 5 sehingga 13 Perlembagaan menyentuh aspek kebebasan diri, kesamarataan undang-undang dan sebagainya secara umum tanpa menyebut secara khusus kepada golongan warga emas.

Aspek perundangan amat penting bagi memastikan penguatkuasaan dalam membanteras kes penderaan dan pengabaian ini dapat dilakukan dengan sistematik. Namun, sejauh manakah perundangan sedia ada dapat memastikan perlindungan warga emas dijamin?

Cadangan kerajaan mahu memperkenalkan akta khusus bagi melindungi kebajikan warga emas amat penting memandangkan jumlah mereka semakin bertambah saban tahun. Hal ini disebabkan kes penderaan dan pengabaian warga emas semakin meningkat serta terdapat banyak lagi kes tidak dilaporkan.

**Persediaan jadi negara tua 2035**

Selain untuk menjamin kebajikan warga emas di negara kita, langkah ini juga sesuai sebagai satu persediaan menjadi negara tua menjelang 2035.

Bagi tujuan ini, Malaysia boleh mengambil pendekatan untuk menggubal Akta Warga Emas seperti Akta Kanak-Kanak 2001 yang khusus kepada kanak-kanak. Hal ini penting untuk mengawal kes penderaan dan pengabaian warga emas pada masa hadapan.

Satu cadangan supaya Malaysia menetapkan had umur warga emas khusus dalam undang-undang turut boleh dilakukan, oleh kerana tiada penetapan dan kesepakatan berapa had umur warga emas sama ada di Malaysia mahu pun di luar negara.

Sebagai contoh, negara maju meletakkan had umur warga emas ialah 65 tahun dan ke atas memandangkan kehidupan warga emas mereka pada usia itu masih sihat dan bertenaga.

Di samping itu, KPWKM mengkategorikan warga emas kepada 'tua muda, tua-tua dan paling tua-tua'. Kategori ini dibuat bagi memudahkan pendekatan aktiviti sesuai dengan lapisan usia berbeza, manakala Dasar Warga Emas Negara meletakkan umur 60 tahun dan ke atas sebagai kategori warga emas.

Oleh itu, langkah meletakkan penetapan kepada had usia warga emas ini mungkin boleh dibuat sebagai permulaan kepada 'hari yang cerah' dan bagi memudahkan pelbagai urusan berkaitan warga emas di Malaysia pada masa hadapan.

Kerajaan juga boleh mengambil pendekatan menyediakan pelbagai insentif kewangan bagi majikan menggaji atau mengekalkan pekerja berusia serta memberi latihan kepada mereka. Langkah ini boleh dilaksana memandangkan ramai warga emas yang masih sihat dan boleh menyumbang tenaga serta buah fikiran kepada pembangunan negara.

Hal ini juga mungkin boleh membantu dalam perkembangan program keselamatan sosial negara kerana kajian menunjukkan pendapatan persaraan bagi kebanyakan warga emas tidak mencukupi. Ditambah pula dengan keadaan Malaysia sedang menghadapi inflasi, sudah pasti program keselamatan sosial sebegini dilihat lebih komprehensif untuk diteruskan dan dibangunkan.

Warga emas berhadapan dengan fasa kehidupan yang paling mencabar kerana mereka mengalami perubahan dari segi fizikal, emosi dan mental. Oleh kerana itu, Islam melarang melakukan perbuatan kasar dengan golongan warga emas dan mereka hendaklah dihormati memandangkan perasaan mereka terusik pada peringkat ini. Islam memuliakan setiap umatnya termasuk warga emas.

Oleh itu, Islam menyediakan mekanisme perlindungan kepada warga emas sebagai salah satu cara untuk membantu warga emas meneruskan kehidupan harian di hujung usia mereka. Umum mengetahui seseorang mencapai usia tua, tidak mampu bekerja kerana mempunyai kekurangan dari sudut fizikal dan akal fikiran.

Sekiranya mereka tidak dibantu dari segi makanan, minuman, pakaian dan tempat tinggal, sudah pasti ia akan menjejaskan tahap kualiti hidup serta kesihatan mereka. Oleh itu, penyediaan mekanisme ini adalah untuk memastikan kemaslahatan setiap umatnya terjaga dan kemudaratan dapat dihindarkan.

**Pensyarah Kanan di Jabatan Syariah dan Undang-undang, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya**

# LPPKN Klinik Nur Sejahtera Miri pelawa penduduk Bekenu sertai Program Jom Tingkatkan Ekonomi Wanita 2024

2024-01-25T09:58:35+08:00




LPPKN Klinik Nur Sejahtera Miri mempelawa penduduk di Bekenu dan sekitarnya menyertai Program Jom Tingkatkan Ekonomi Wanita 2024 pada 27 Januari ini di Arena Sibuti, Bekenu.

MIRI: Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) Klinik Nur Sejahtera (KNS) Miri mempelawa penduduk di Bekenu dan sekitarnya menyertai Program Jom Tingkatkan Ekonomi Wanita 2024.

Jurucakap penganjur berkata ia akan diadakan pada 27 Januari 2024 (Sabtu) bertempat di Arena Sibuti, Bekenu, 8.30 pagi.

LPPKN KNS Miri akan membuka kaunter perkhidmatan kesejahteraan wanita untuk pengunjung yang hadir.

Tumpuan utama ia diadakan adalah untuk mendaftarkan lebih ramai wanita bagi menjalani ujian HPV DNA dan mendapatkan subsidi ujian mamogram.

"Melalui kaunter perkhidmatan yang disediakan oleh LPPKN KNS Miri akan memudahkan wanita untuk khususnya di Daerah Subis bagi mendapatkan perkhidmatan kesihatan disediakan oleh LPPKN," katanya.

Pihak penganjur berkata orang ramai khasnya wanita hadir mendapatkan maklumat dan seterusnya mendaftar untuk mendapatkan ujian HPV DNA dan Subsidi ujian mamogram.

Kaunter perkhidmatan dan pameran yang dibuka oleh LPPKN KNS termasuklah pendaftaran Subsidi Ujian Mamogram, saringan ujian HPV DNA, perkhidmatan perancang keluarga dan pameran perkhidmatan dan advokasi KASIH (K-Kasih Sayang, A-Akhlak, S-Sihat, I-Ilmu, H-Harmoni).

Mereka yang ingin mengetahui lebih lanjut tentang program kesihatan itu boleh menghubungi Klinik Nur Sejahtera di talian 085-491170.

# Reman lelaki jual video aksi seks bersama lebih 20 wanita disambung hingga esok

Oleh Nor Azizah Mokhtar - Januari 25, 2024 @ 8:20am
bhnews@bh.com.my




KUALA LUMPUR: Tempoh reman lelaki yang ditahan kerana menjual video lucahnya melakukan hubungan seks dengan lebih 20 wanita menerusi media sosial pada 18 Januari lalu, dilanjutkan empat hari sehingga esok.

Jabatan Siasatan Jenayah (JSJ) Bukit Aman dalam satu kenyataan, hari ini berkata pihaknya masih menjalankan siasatan lanjut terhadap suspek yang juga warga tempatan berusia 31 tahun itu.

Katanya, tempoh reman terhadap dua wanita yang ditahan bersama suspek utama turut dilanjutkan empat hari sehingga esok.

"Siasatan masih diteruskan dan kertas siasatan akan dirujuk ke Pejabat Peguam Negara dalam tempoh terdekat setelah siasatan dilengkapkan," katanya.

BH sebelum ini melaporkan lelaki yang dikesan menjalankan aktiviti menjual video melakukan hubungan seks dengan lebih 20 wanita pelbagai bangsa menerusi laman sosial ditahan di Janda Baik, Pahang.

Suspek ditahan oleh Bahagian Siasatan Jenayah Maksiat, Judi dan Kongsi Gelap (D7), JSJ Bukit Aman di sebuah rumah di Kampung Janda Baik, Bentong, Pahang, pada jam 2.30 petang, 17 Januari lalu.

Dalam serbuan sama, polis menahan dua teman wanitanya berusia 23 dan 27 tahun di rumah yang turut didiami oleh bapa lelaki terbabit.

Ketiga-tiga suspek kemudian direman lima hari bermula 18 Januari lalu sehingga Isnin lalu untuk siasatan lanjut.

Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Bukit Aman, Datuk Seri Mohd Shuhaily Mohd Zain, dilaporkan berkata penahanan suspek hasil maklumat dan risikan JSJ Bukit Aman mengenai kegiatan mempromosikan aktiviti seks dirinya sendiri yang dirakam dan dijual untuk tontonan di platform Telegram.

Katanya, siasatan awal mendapati suspek utama memulakan aktiviti menjual dan mempromosikan ubat kuat seks dari China menerusi platform media sosial, sejak awal tahun lalu.

Suspek kemudian merakam video dia melakukan hubungan seks ganas dengan teman wanitanya sebelum menjual adegan berkenaan dalam tiga saluran di aplikasi Telegram, sejak Julai tahun lalu.

Selain meniduri teman wanitanya, suspek juga yang disyaki mempunyai latar belakang seorang gigolo turut meniduri sebahagian pelanggan wanita dalam saluran aplikasi Telegram berkenaan.

Mohd Shuhaily berkata, modus operandi yang digunakan adalah dengan mengajak pelanggan melanggan menerusi pautan promosi yang diiklankan dalam aplikasi Telegram oleh suspek sebelum urusan pembayaran dipersetujui.
Selepas pembayaran dibuat, suspek akan menghantar pautan kepada pelanggan untuk terus menonton video lucah yang dilakonkan dan dirakam suspek sendiri.

"Siasatan juga mendapati setakat 16 Januari lalu suspek mempunyai 2,051 pelanggan untuk pakej 200 video dengan bayaran RM100 dan 622 pelanggan untuk pakej RM20 sebulan bagi 13 video.

"Semua pelanggan aplikasi ini adalah rakyat Malaysia daripada golongan lelaki miang dan wanita kesunyian yang memiliki kerjaya dalam bidang profesional seperti doktor, usahawan dan sektor korporat," katanya.

Katanya, polis turut menemui semua aksi rakaman suspek melalui rampasan lima telefon bimbit milik suspek dan dua teman wanitanya, selain dua kad ATM yang digunakan sebagai akaun langganan.

Kes disiasat mengikut Seksyen 372 (1)(e) Kanun Keseksaan atas kesalahan mempromosi aktiviti seks untuk mendapatkan keuntungan dan Seksyen 292 Kanun Keseksaan atas kesalahan memiliki bahan lucah.

Siasatan turut dijalankan mengikut Seksyen 233 Akta Komunikasi Multimedia 1998 atas kesalahan menyalahgunakan kemudahan rangkaian telekomunikasi.

# Guru Kafa ditahan pukul ibu angkat kerana minta duit belanja

Lelaki berusia 28 tahun itu dipercayai memukul ibu angkatnya berusia 76 tahun minggu lepas.

FMT Reporters - 25 Jan 2024, 7:30pm

121 Shares Share Tweet Share Email




*Seorang guru Kafa berusia 28 tahun itu ditahan semalam selepas hadir memberi keterangan di IPD Ampang Jaya kerana dipercayai mencederakan ibu angkatnya.*

PETALING JAYA: Seorang guru Kelas Al-Quran dan Fardhu Ain (Kafa) ditahan semalam kerana disyaki memukul ibu angkatnya sehingga cedera minggu lepas.

Lelaki berusia 28 tahun itu ditahan pada 12.30 tengah hari semalam selepas hadir memberi keterangan di IPD Ampang Jaya.

Ketua Polis Daerah Ampang Jaya Mohd Azam Ismail berkata, kejadian dilaporkan berlaku kira-kira 12 tengah hari di sebuah rumah di Projek Perumahan Rakyat (PPR) Sungai Sering Ukay Indah.

Suspek dipercayai memukul ibu angkatnya berusia 76 tahun, yang memeliharanya sejak lahir, kerana berang wanita itu sering meminta duit belanja dapur.

"Pemeriksaan pegawai perubatan di Hospital Ampang mendapati wanita berkenaan mengalami kecederaan pada tisu lembut di kepala dan abdomen," kata Mohd Azam, lapor Bernama.

Mohd Azam berkata, lelaki itu mempunyai satu rekod jenayah lampau dan telah direman selama empat hari hingga Ahad ini.

Kes disiasat mengikut Seksyen 323 Kanun Keseksaan kerana mendatangkan kecederaan dan Seksyen 18A Akta Keganasan Rumah Tangga.

Dalam perkembangan lain, Mohd Azam berkata, polis menahan seorang lelaki berusia 34 tahun pada Selasa lepas kerana menyamar sebagai pegawai Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan cuba menunaikan cek sebuah masjid.

Dalam kejadian pada 2 petang Jumaat lepas, katanya, lelaki terbabit memperkenalkan diri sebagai pegawai SPRM dan mengarahkan bendahari sebuah masjid di Ampang Jaya mengeluarkan buku cek bagi semakan kerana mendakwa terdapat masalah dalam pengurusan kewangan masjid itu.

Lelaki itu kemudian beredar setelah melakukan semakan, namun kemudian, bendahari masjid itu menerima panggilan daripada bank berhubung sekeping cek yang cuba ditunaikan.

"Pada 3 petang, bendahari itu menerima panggilan daripada bank mengatakan terdapat sekeping cek bernilai RM30,000 cuba ditunaikan namun telah ditolak.

"Bendahari itu kemudian mendapati sekeping cek telah hilang selepas diperiksa suspek," katanya.

Mohd Azam berkata, lelaki yang tidak bekerja itu kemudian ditahan pada 1.35 tengah hari ketika hadir di pejabat Bahagian Siasatan Jenayah IPD Ampang Jaya.

Dia direman selama empat hari hingga Sabtu ini bagi membantu siasatan mengikut Seksyen 170 Kanun Keseksaan, iaitu menyamar sebagai penjawat awam.

# Speak up, five types of harassment you can report right now

Have you ever been in a situation where you think it is borderline sexual harassment, but you are just not sure?

By SHARIFAH SHAHIRAH
25 Jan 2024 06:00pm

SHAH ALAM – Have you ever been in a situation where you think it is borderline sexual harassment, but you are just not sure?

Federal police Sexual, Women and Child Investigation Division (D11) Child Interview Centre Head of Unit Deputy Superintendent Noridah Md Ayob said that sexual harassment is an intolerable act committed by the perpetrator, involving emotions, physical, mental, and dignity when such incidents occur.

She said that there are five types of harassment which are verbal harassment, non-verbal harassment, visual harassment, symbolic harassment, and physical harassment.

